



MESRA... Muhyiddin diiringi Pengurus Lembaga Pemegang Amanah YPR dan Naib Canselor (kanan) Mohd Zohadie dan Presiden Persatuan Alumni UPM, Mohd Noor Ismail (kiri) ke Majlis Syarahan Awam di UPM, semalam. — Gambar SURIANIE MOHD HANIF

Kerajaan tidak henti beri subsidi

Oleh NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
norlaila@hmetro.com.my

SERDANG: Kerajaan tidak akan menghentikan pemberian subsidi dan tetap terus membantu kumpulan rakyat termiskin, terutama petani, peladang dan nelayan, selagi golongan itu memerlukannya, walaupun mendapat bantahan Pertubuhan Perdagangan

Dunia (WTO).

Menyatakan hal ini, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan akan menyusun semula bentuk subsidi dan bantuan bagi meningkatkan taraf hidup serta memperbaiki sektor pertanian bagi memenuhi tuntutan WTO.

Tanpa memberitahu secara terperinci bentuk subsidi yang bakal disusun semula itu, beliau menegaskan kerajaan tetap akan memberi pelbagai bantuan supaya masalah dalam industri pertanian dapat diatasi.

"Masih ramai masyarakat terbabit dalam sektor pertanian dan perikanan tergolong sebagai kelompok termiskin. Tumpuan kita kini untuk mengeluarkan mereka daripada lingkungan kemiskinan."

"Kita akan menilai bentuk subsidi ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan petani. Setakat ini kerajaan tidak menetapkan tempoh atau had masa untuk memberi bantuan kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas memberi syarahan awam Yayasan Pak Rashid bertujuh Mencergas dan Me-

rangsang Pembangunan Pertanian dan Industri Asas Tani di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Turut hadir dalam majlis anjuran Yayasan Pak Rashid itu ialah Naib Canselor UPM, Datuk Dr Mohd Zohadie Bardae.

Yayasan Pak Rashid ditubuhkan pada 2000 bertujuan memajukan pendidikan, penyelidikan dan penyebaran ilmu di UPM termasuk memberi anugerah, biasiswa serta pinjaman kepada mahasiswa.

Menjelaskan mengenai tunutan WTO, beliau berkata, ia bukan perkara sensitif kerana negara maju seperti Amerika Syarikat atau Jepun juga masih memberikan bantuan kepada komoditi pertanian dalam bentuk lain.

Menurut Muhyiddin, walaupun banyak isu baru dalam sektor pertanian perlu diberi perhatian, kementeriannya akan tetap memberi fokus kepada isu lama, contohnya pengeluaran padi yang masih menjadi masalah besar.

Di tanya mengenai kemungkinan wujudnya penyelewengan atau salah guna bantuan, beliau berkata soal itu tidak timbul.

Ini kerana ada sesetengah sektor menghadapi masalah struktur seperti saiz ladang atau sawah kecil, pembangunan infrastruktur, benih baik serta baja; dan jika tidak diberikan bantuan, petani akan terus dibelenggu kemiskinan.

Atas alasan ini, katanya, ke-

rajaan akan terus beri bantuan sehingga mereka mampu berdikari kerana kerajaan melabur jumlah besar untuk memajukan sektor pertanian, tetapi sehingga kini pendapatan diterima golongan terbatas masih rendah.

Justeru, beberapa langkah diambil, termasuk menggalakkan pendekatan baru seperti memantapkan 12 organisasi penyelaras aktiviti, menyediakan skim pembiayaan dan mendapatkan kerjasama kerajaan negeri, khususnya dalam soal pemberian tanah untuk dimajukan.

Pendekatan baru itu turut merangkumi semua aspek pengurusan rantai bekalan iaitu bermula dengan pengeluaran benih, pengendalian lepas tuai, penyimpanan, logistik, penggredan, pemasaran dan pemprosesan sehingga ia dijalankan kepada pengguna.

Selain itu, pembiayaan pinjaman akan diperluaskan bagi menarik pembabitan pihak swasta yang kini kurang dari pada 15 peratus dan sebanyak RM371 juta diperuntukkan untuk membiayai empat skim menerusi Rancangan Malaysia Kelapan.

Malah, katanya, pendekatan baru itu juga bertujuan menarik pembabitan golongan muda yang akan dimulakan di peringkat sekolah dan mengubah persepsi orang ramai bahawa pertanian adalah sektor yang menguntungkan jika diusahakan dengan betul.